



## LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

03 OKTOBER 2019

### KENYATAAN MEDIA

#### **TOMPOKAN MINYAK DI SUNGAI SELANGOR**

Pada 2 Oktober 2019 jam 2.40 petang, Lembaga Urus Air Selangor telah menerima laporan berkenaan tompokan minyak berhampiran muka sauk Loji Pembersihan Air (LRA) Rantau Panjang, Kuala Selangor yang disyaki berpunca dari tong minyak bersaiz 18 liter dan tidak berlabel.

LUAS dengan segera telah mengaktifkan Kod Kuning berdasarkan Manual Pelan Tindakan Kecemasan Pencemaran Negeri Selangor dan segera ke lokasi untuk menjalankan siasatan. Di lokasi kejadian, pihak Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) bersama Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd dibantu oleh nelayan darat telah mengambil tong tersebut yang disyaki minyak hidraulik. Kedudukan tong minyak dijumpai di Sungai Selangor iaitu 200 meter di bahagian hilir dari Loji Pembersihan Air (LPA) Rantau Panjang. Sehingga jam 6.00 petang semalam, tompokan minyak tidak lagi kelihatan. LUAS telah ke Loji SSP untuk pemantauan seterusnya dan pihak loji telah memasang perangkap minyak atau 'oil boom' di hadapan muka sauk. Tiada sebarang gangguan dan henti tugas Loji Pembersihan Air Sungai Selangor berlaku berikutan insiden ini.

Tong minyak tersebut telah diambil oleh penguatkuasa LUAS bagi tujuan siasatan dan laporan polis juga telah dibuat di Balai Polis Bestari Jaya bagi tujuan siasatan forensik. Sekiranya didapati bersalah, pihak terbabit boleh dikenakan hukuman berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh JAS atau Seksyen 79 Enakmen LUAS 1999 tertakluk kepada hasil analisa pensampelan daripada Jabatan Kimia Malaysia. LUAS akan meneruskan pemantauan dari semasa ke semasa untuk mengelakkan kejadian seperti ini berulang.

Disediakan oleh:

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**